KPKT

# Strategi Lautan Biru Kebangsaan Kejiranan Indah

MyBN

PROGRAM LUAR KEBIASAAN

KERJASAMA ANTARA AGENSI

NBOS

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

KOS MINIMUM

PANTAS

BERIMPAK TINGGI

KPKT MyBN

# Program 1: Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam







**Komponen:**

1. Penyelenggaraan Bangunan
2. Menaik Taraf Infrastruktur dan Kemudahan Awam
3. Menaik Taraf Landskap dan Projek Pengindahan
4. Program Bandar Selamat
5. Rondaan Keselamatan
6. Pembersihan Kawasan
7. Program Transformasi Sosial

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

## KOMPONEN 1
## PENYELENGGARAAN BANGUNAN

- Cat semula bangunan
- Naik taraf atau baiki sistem retikulasi/paip air/tangki air
- Baiki longkang perimeter
- Ganti atau pasang bumbung/awning/ampaian
- Pendawaian semula kabel elektrik
- Naik taraf saluran air hujan/handrail tangga/lampu koridor/peti surat/tandas awam
- Naik taraf kebuk sampah







Cat semula bangunan, naik taraf bumbung dan pasang awning baru Rumah Pangsa Templer 2, Seremban







Cat semula dan pasang awning baru Rumah Pangsa Kinta Heights, Ipoh







Naik taraf peti surat Rumah Pangsa Mengkarak Stesen, Bera

# MyBN

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

## KOMPONEN 2
## MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

- Turap semula jalan
- Naik taraf atau bina laluan pejalan kaki
- Naik taraf atau pasang lampu jalan/lampu limpah
- Naik taraf sistem perparitan
- Naik taraf atau bina surau/gerai/balai raya/dewan orang ramai/gelanggang (futsal, bola keranjang dan badminton)
- Naik taraf atau bina tempat letak kereta







Naik taraf sistem perparitan dan bina baru laluan pejalan kaki Taman Nira, Batu Pahat







Bina baru tempat letak kereta Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru







Naik taraf gelanggang futsal & bola keranjang Rumah Pangsa Lobak, Seremban

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

## KOMPONEN 3
## MENAIK TARAF LANDSKAP DAN PROJEK PENGINDAHAN PERSEKITARAN

- Naik taraf atau sediakan kemudahan rekreasi di kawasan lapang seperti alat permainan kanak-kanak, alat senaman interaktif, laluan refleksologi dan trek jogging
- Naik taraf atau sediakan komponen landskap kejur dan perabot landskap di kawasan lapang seperti laluan pejalan kaki, tempat duduk, wakaf, pintu gerbang, lampu taman, papan tanda taman, bollard, dan tong sampah
- Sediakan landskap lembut dengan penanaman pokok teduhan, pokok renek dan rumput turf







Sediakan taman permainan kanak-kanak Rumah Pangsa Lobak, Seremban







Naik taraf landskap kejur & lembut Rumah Pangsa Setia Jaya, Alor Setar







Sediakan komponen rekreasi dan perabot landskap, Rumah Pangsa Lobak, Seremban

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

## KOMPONEN 4
## PROGRAM BANDAR SELAMAT

- Pasang papan tanda talian kecemasan PDRM
- Sediakan tempat letak motosikal berkunci







Sediakan tempat letak motosikal berkunci Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Setar







Sediakan tempat letak motosikal berkunci Rumah Pangsa Lobak, Seremban







Pasang Papan tanda talian kecemasan PDRM Rumah Pangsa Lobak, Seremban

# MyBN

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

**KOMPONEN 5**
**RONDAAN KESELAMATAN**

- Rondaan keselamatan bersama PDRM, RELA, ATM dan penduduk
- Tubuh Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS)














# MyBN

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

## KOMPONEN 6
## PEMBERSIHAN KAWASAN

- Pungut sampah domestik dan pukal
- Bersih longkang dan potong rumput
- Gotong-royong dan pembersihan kawasan
- Kempen kebersihan, keselamatan dan kesedaran awam
- Rakan 3R (Kitar semula)



Sukarelawan 1M4U



Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



RELA



Angkatan Tentera Malaysia



Persatuan Penduduk

MyBN

# Mengindahkan Kawasan Perumahan Awam

- Memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan eratkan hubungan anggota BOMBA dengan masyarakat/Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)/ Rukun Tetangga (RT)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- Membantu menjalankan kerja-kerja kebombaan, padam kebakaran, jaga pili dan sebagai ejen penyampai maklumat kecemasan.



- Mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM, RELA, JPAM, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS).








- Memupuk semangat kesukarelawanan membantu menjaga, memelihara serta menyelenggara kawasan taman kejiranan;
- Dilaksana dan diselaras oleh Persatuan Penduduk/ Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) serta dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan.




- Memupuk amalan mengitar semula bagi mencapai sasaran kadar kitar semula sebanyak 22% menjelang 2020.

MyBN

# Program 2: *House Build*

## KOMPONEN
## BINA SEMULA RUMAH TERBAKAR GOLONGAN MISKIN

- Bina semula rumah terbakar milik golongan miskin/kurang upaya (OKU)
- Bina atas tanah hak milik penerima
- Tempoh penyiapan pembinaan semula rumah dalam masa lebih kurang sebulan
- Pembiayaan:
  - Tabung Amanah KPKT: Sumbangan Tabung Darul Iman, Majlis Agama Islam Perak, TNB, pemaju hartanah, GLC, Putrajaya Holdings, IRIS dan individu
  - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah







Kampung Nail, Kuala Besut, Besut







Kampung Potong Pinang, Pokok Assam, Taiping







Kampung Bukit Cherakah, Kuala Selangor

# MyBN House Build







Kampung Jeriah Abg. Ramli, Sibu







Kampung Parit Nipah Darat, Parit Raja Batu Pahat







Kampung Kopunadan, Matunggong Kudat







Kampung Buntal Ulu, Kampung Buntal, Kuching Sarawak

# Keratan Akhbar












# Keratan Akhbar

BH · AHAD 2 DISEMBER 2012 · KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN · 25

## Projek siap ikut jadual

» Dilaksanakan melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan





Program NBOS 7 yang telah/akan dilaksana



*Rumah Pangsa Simpang Kuala Kedah berubah wajah.*

## Projek Kejiranan Indah bakal diperluas

**Alor Setar:** Projek Kejiranan Indah membabitkan usaha menaik taraf kediaman daif yang kini dijalankan di Kedah dan Negeri Sembilan akan diperluaskan ke seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, berkata hasrat itu dirangka susulan maklum balas positif terhadap projek berkenaan terutama di Negeri Sembilan yang kini siap sepenuhnya.

"Kita sudah kenal pasti dua lagi lokasi iaitu Ipoh, Perak dan Larkin, Johor sebagai destinasi pilihan projek itu yang dijalankan melalui program Strategi Lautan Biru Kebangsaan pihaknya.

**Tumpu tiga projek**

"Buat masa sekarang, tumpuan kepada tiga projek di Kedah membabitkan kos RM11 juta dan sebaik selesai, permohonan bajet akan dibuat untuk projek di Ipoh dan Larkin," katanya kepada pemberita, di sini, semalam selepas meninjau projek sama di rumah pangsa Taman Setia Jaya, di sini.

Mengulas projek di Kedah, katanya beliau positif semua tiga projek di Taman Setia Jaya, Simpang Kuala dan Sebereng Terus mampu siap menjelang hujung tahun ini.

"Buat masa ini, projek di Setia Jaya kini 70 peratus siap, manakala di Simpang Kuala pula menjangkau 50 peratus. Bagi projek di Seberang Terus pula, pada peringkat permulaan.

"Kerajaan berharap inisiatif ini dapat memastikan kawasan perumahan yang terpilih diberi nafas baru supaya ia selesa dihuni penduduk di negara ini," katanya.

16 November 2012

BH · 26 OGOS 2013 · ISNIN · NASIONAL · 17

## MyBN naik taraf perumahan awam

» Wujudkan suasana ceria, bersih, untuk tingkat keselesaan penghuni

NBOS



Abdul Rahim



Arpah



Ibrahim



PAGE 12 | NEW STRAITS TIMES · MONDAY, AUGUST 26, 2013

NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY

## Making neighbourhoods a thing of beauty

**REACHING OUT:** The 'MyBN' programme aims to transform low-cost housing schemes into safe and pleasant neighbourhoods





*The rebuilding of fire-damaged houses in Kg Nail, Kuala Besut, Terengganu, was completed in seven days by using the Industrialised Building System.*

## K'jaan peruntuk RM2.25j untuk projek Kejiranan Indah di Sabah

KOTA KINABALU: Kerajaan memperuntukkan RM2.25 juta bagi projek penempatan rumah pangsa pertama di Sabah, di Taman Perumahan Keramat di sini di bawah Program Penyewaan dan Penempatan Semula (ERHP).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok berkata peruntukan itu meliputi membaik pulih bangunan, meningkatkan sistem perparitan, pendawaian elektrik, membina gelanggang futsal dan menaik taraf jalan raya serta tempat letak kereta.

"Antara program-program yang dilakukan ialah mengecat semula bangunan, membaiki dril, membuat pendawaian semula, memasang lampu di koridor bangunan, membaiki aliran kumbahan, membekalkan tangki air yang baru, membaiki tingkap yang rosak, membaiki semula bumbung dan balai raya," katanya semasa merasmikan peogram Strategi Lautan Biru Kebangsaan Ke-7: Kejiranan Indah (NBOS 7) di Taman Perumahan Keramat kelmarin.

14 April 2013

# Keratan Akhbar

## Mampu bina lebih banyak rumah

*Bomba percaya boleh laksana sekiranya terima sumbangan daripada pelbagai pihak*

**AMRAN ALI**

**MELAKA TENGAH** - Jabatan Bomba dan Penyelamat percaya mampu membina lebih banyak kediaman menerusi program pembinaan semula rumah terbakar di bawah Strategi Lautan Biru Negara, *My Beautiful Neighbourhood* Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekiranya menerima banyak sumbangan daripada pelbagai pihak.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, menerusi fasa satu tahun lalu, pihaknya berjaya melaksanakan pembinaan semula sebanyak lima rumah menerusi program berkenaan membabitkan kos sekitar RM35,000 hingga RM40,000 setiap rumah.

Katanya, sebahagian besar sumbangan diperolehi menerusi agensi seperti Tenaga Nasional Bhd (TNB), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pusat zakat setiap negeri terlibat dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

"Kita tidak mampu membuat semula semua rumah terbakar tetapi kita akan pilih pemilik yang tidak mampu bina sendiri dan biasanya setiap negeri hanya sebuah. Tahun lalu kita telah laksanakannya di Selangor, Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu.

"Kesemua rumah dibina sendiri anggota bomba dalam tempoh masa kira-kira sebulan dan membabitkan kos yang minimum," katanya sewaktu melancarkan program berkenaan di rumah seorang mangsa kebakaran Gilbert Tessensoen, 53, di Kampung Paya Salak, di sini, semalam.

Turut sama, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Zainudin Md Alip.

Sementara itu, menurut Gilbert, rumahnya terbakar pada 27 November tahun lalu dan ketika kejadian dia bersama isteri serta enam anaknya tiada di rumah.

"Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat kerana akan bina semula rumah kami dan tidak sangka rumah ini terpilih setelah 80 peratus musnah terbakar.

"Kalau hendak ikutkan dengan pendapatan sekarang, tidak mampu binanya sendiri," katanya.

Dalam pada itu, rumah berkenaan akan dibina semula di tapak sedia ada yang merangkumi pemasangan siling, pendawaian elektrik, pemasangan sistem paip dan mengecat semula.



Wan Mohd Nor (dua, kiri) melancarkan program pembinaan semula rumah terbakar di bawah Strategi Lautan Biru Negara, *My Beautiful Neighbourhood* Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, semalam. Turut sama Zainudin (kiri), Gilbert dan isteri, Marry Chua, 55.

25 Januari 2013: Sinar Harian

## Fire victim gets new home

**BIRTHDAY PRESENT:**
Fire and Rescue dept officers rebuild senior citizen's house

**MAZLINDA MAHMOOD**

NINETY-YEAR-OLD former home guard Jailani Muaalim shed tears of joy when he received the keys to his new home at Jalan Derahman, Kampung Bukit Cherakah, here, yesterday.

The senior citizen's house was razed in a fire on July 15, just a week before the start of the fasting month due to an electrical short circuit.

"I'm so grateful that only tears convey how happy I really am. I don't know how many years I still have left but now I can spend the rest of my life in comfort," he said after receiving the keys from Chief Secretary to the government Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

The former home guard during the Emergency is one of the beneficiaries of the National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood programme, an idea from the Housing and Local Government Ministry based on the NBOS concept initiated by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and the chief secretary.

Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, whose 14 officers built the house in a record 28 days, said although building homes for fire victims was not a core business for the department, his officers managed to take on the challenge with support of the Welfare Department, Islamic Religious Councils, local leaders and concerned individuals.

Ali, at a press conference later, said looking at the damage and suffering of fire victims, the ministry and Fire and Rescue Services department thought out of the box and decided to volunteer in a joint initiative to help victims.

"So far we have completed one house, while four more are being built in Negri Sembilan, Terengganu, Kedah and Perak.

"With the cooperation of the government and private sector, more homes can be built, especially for those with low income."

Jailani's son Rajiun, 53, said the house was the best 90th birthday present for his father.

"The house was completed on Oct 20 and my father's birthday was on Oct 26. We are happy for him as with this house, we feel that his many years of service as a home guard is finally repaid."

The 750 square feet single-storey bungalow costing RM35,000 was funded by Datuk Shaari Mat Jihin from Syarikat Asa Niaga Sdn Bhd.

Also present yesterday were Housing and Local Government Ministry secretary-general Datuk Arpah Abdul Razak and Home Ministry secretary-general Datuk Abdul Rahim Mohd Radzi.

Every year, the Fire and Rescue Services Department puts out some 25,000 fires, of which, 3,000 involve residential properties which claim between 70 and 80 lives.



*Jailani Muaalim, with his wife, Napsiah Idris, 69, is grateful at having received a new house.* Pic by Roslin Mat Tahir

10 Disember 2012: News Straits Times

## 'Tak sangka penderitaan dapat perhatian'

**Jertih:** Nasib malang menimpa tiga sekeluarga yang kehilangan rumah mereka akibat kebakaran pada 18 Mei lalu, berakhir apabila mendapat kediaman baru hasil bantuan kerajaan, semalam.

Buruh binaan, Ramli Jusoh, berkata dia dan keluarga memang tidak menyangka penderitaan dialami segera mendapat perhatian kerajaan yang pantas bertindak meluluskan pembinaan kediaman baru buat mereka.

Katanya, dia bersama isteri, Norsarimah Awang, 35, dan tiga anak mereka berusia antara dua hingga 13 tahun sebelum ini terpaksa hidup menumpang di rumah ibu isterinya di Kampung Pok Kolok sementara menunggu keputusan terhadap permohonan mereka mendapatkan bantuan kerajaan.

"Kami tak sangka penderitaan kami segera mendapat perhatian kerajaan. Walaupun terpaksa berpindah ke Kampung Tasek, kami amat gembira kerana dapat meneruskan hidup di rumah sempurna," katanya yang sebelum ini tinggal di Kampung Pok Kolok, Nail, Kuala Besut.

Kunci rumah baru untuk mereka diserahkan sendiri Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said pada majlis yang turut dihadiri Menteri Pendidikan II yang juga Timbalan Pengarah Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut, Datuk Seri Idris Jusoh serta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, kediaman di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) khusus untuk masyarakat berpendapatan rendah sedang diteliti untuk disesuaikan dengan industri pembinaan Iris Koto yang memerlukan hanya antara tujuh hingga 10 hari untuk disiapkan, kos lebih rendah dan tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Beliau berkata, kementeriannya sedang meneliti sama ada konsep itu sesuai untuk menyediakan rumah pangsa PPR, terutama di bandar dan pinggir bandar.



***Pemilik rumah bergambar di hadapan rumah** yang siap dibina dengan sistem Iris Koto di Kampung Taman Tasek, semalam.*

24 Julai 2013: Berita Harian

# Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih di atas usahasama anda semua dalam menjayakan Program MyBN

**SUMBANGAN ANDA DIALU-ALUKAN**

Melalui cek/kiriman wang/draft bank kepada:

**Ketua Setiausaha**
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Alamatkan ke:
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Korporat,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 21, No. 51,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya